

20 SEP 2002

Belanjawan-Pendidikan

TABUNG SIMPANAN PENDIDIKAN DITUBUH BAGI BIAYAI PENDIDIKAN TINGGI

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Tabung Simpanan Pendidikan, khusus untuk membiayai pendidikan tinggi, dicadangkan diwujudkan bagi meringankan beban perbelanjaan persekolahan generasi muda.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan menyediakan peruntukan permulaan sebanyak RM1 bilion untuk tabung itu.

"Kerajaan akan memberi geran sepadan bagi setiap ringgit yang disimpan oleh anak-anak dari keluarga berpendapatan rendah," katanya semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Parlimen hari ini.

Beliau berkata program ini diharapkan dapat menerap budaya menabung di kalangan anak-anak dari keluarga berpendapatan rendah.

Selain itu, satu program pinjaman untuk pendidikan tinggi melalui institusi kewangan akan diwujudkan yang membolehkan pelajar mendapat pinjaman daripada institusi tersebut.

Perdana Menteri berkata ini adalah bagi mengurangkan beban terhadap Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang tidak mempunyai peruntukan mencukupi untuk memenuhi permintaan pinjaman pelajar.

Walaupun kerajaan telah memberikan peruntukan yang tinggi untuk tabung itu, setakat ini sebanyak RM4.5 bilion telah disediakan untuk dimanfaatkan oleh hampir 380,000 pelajar, ia tidak mencukupi, katanya.

"Program ini memerlukan sebanyak RM3.5 bilion lagi untuk tempoh sehingga tahun 2005," katanya.

Dr Mahathir berkata institusi kewangan kini dikehendaki menyalurkan sebahagian daripada peruntukan pinjaman mereka kepada pinjaman pendidikan tinggi selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan sumber manusia.

Kerajaan, bagaimanapun akan terus memberi tumpuan utama kepada bidang pendidikan dengan menyediakan peruntukan sebanyak 27 peratus daripada jumlah Belanjawan 2003, katanya.

Mengenai pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, Dr Mahathir berkata kerajaan akan menyediakan peruntukan sejumlah hampir RM5 bilion bagi tempoh tujuh tahun dari tahun ini hingga 2008.

"Sebahagian besar daripada peruntukan ini adalah untuk melatih guru, menyediakan geran pelancaran untuk sekolah-sekolah dan bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran, di samping menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur fizikal termasuk ICT (teknologi maklumat dan komunikasi)," katanya.

Beliau berkata bagi memastikan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dapat dilaksanakan secara berkesan, guru-guru akan dibekalkan dengan komputer "notebook", "LCD projector" untuk sekolah dan peralatan berkaitan.

"Bagi tujuan ini, sebanyak RM978.7 juta akan dibelanjakan dalam tahun ini dan tahun 2003."

Perdana Menteri berkata kerajaan juga akan memperuntuk RM850 juta bagi melaksanakan sekolah satu sesi yang bertujuan memberi pelajar lebih masa di sekolah bukan sahaja untuk sesi pembelajaran, tetapi juga untuk kegiatan kokurikulum.

"Dengan itu, anak-anak kita akan dapat memanfaatkan masa mereka sepenuhnya di sekolah dan ini boleh mengelakkan mereka daripada terlibat dalam aktiviti tidak sihat," katanya.

Beliau berkata kerajaan berharap ibu bapa bijak mengatur dan memastikan masa berkualiti bersama dengan anak-anak mereka.

Dr Mahathir berkata sekolah satu sesi ini telah mula beroperasi di 91 sekolah rendah dan 81 sekolah menengah sejak tahun ini manakala sebanyak 129 sekolah rendah dan 138 sekolah menengah pada tahun depan.

Pembinaan baru sekolah satu sesi bagi 43 sekolah rendah dan 51 sekolah menengah akan dilaksanakan, katanya.

Beliau berkata kerajaan telah memperuntuk sebanyak RM14,294 juta bagi pendidikan rendah dan menengah manakala RM8,685 juta bagi pendidikan tinggi.

Bagi meningkat pembelajaran komputer dan ICT, sebanyak lapan sekolah bestari telah beroperasi dan tiga lagi akan siap pada tahun depan, kata Perdana Menteri.

Beliau berkata sehingga kini sebanyak 1,058 makmal daripada 4,400 makmal yang diperuntuk bagi sekolah-sekolah di seluruh negara di bawah Fasa 1 dan 2 telah siap dibina.

Pembinaan makmal Fasa 3 pula, yang akan meliputi baki sekolah-sekolah di seluruh negara, telah mula dilaksanakan oleh kontraktor Bumiputera tempatan kelas F, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga akan memberi lebih tumpuan kepada program pendidikan peringkat prasekolah dan rendah memandangkan pentingnya anak-anak kecil dibentuk sejak usia muda lagi.

"Ini bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga sifat-sifat mulia serta memupuk semangat toleransi di antara kaum," katanya.

Untuk tujuan itu, dua Sekolah Wawasan telah beroperasi dan empat lagi sedang dalam pembinaan. Kerajaan juga sedang melaksanakan pembinaan sekolah integrasi bagi memberi peluang kepada pelajar memilih pakej mata pelajaran yang bersesuaian dengan minat, cita-cita dan latar belakang sosio budaya mereka.

Beliau berkata pelajar sekolah itu boleh memilih mata pelajaran dari tiga aliran iaitu Sains Tulen, Teknologi dan Pengajian Islam.

"Sekolah merupakan tempat kanak-kanak menerima pendidikan awal secara formal, di samping bermulanya pembentukan keperibadian diri dan menyemai sikap positif," katanya.

"Di situlah acuan untuk melahirkan rakyat yang berpengetahuan, berkemahiran serta pintar dan lengkap dengan nilai-nilai murni seperti sikap bertanggungjawab, bertoleransi dan setia kawan serta semangat patriotik dan cintakan negara.

"Ia bukan tempat untuk mengindoktrinasi anak-anak kecil yang boleh membawa ke arah fikiran yang sempit dan fahaman yang terseleweng," katanya.

-- BERNAMA

HK AHH NMO